

KETELUSAN BELANJAWAN DI NEGERI-NEGERI MALAYSIA:
DAPATAN UTAMA INDEKS
BELANJAWAN TERBUKA MALAYSIA

MyOBI
2022

Sri Murniati Yusuf
Alissa Marianne Rode
Muhammad Arieff Najmuddin Mohd Mohtar



Sri Murniati Yusuf ialah Timbalan Pengarah Penyelidikan IDEAS. Beliau mengetuai penyelidikan mengenai perolehan awam, ketelusan belanjawan, pelantikan politik, dan dana pembangunan kawasan pilihan raya di IDEAS sejak tahun 2012. Beliau merupakan penyelidik utama bagi Tinjauan Belanjawan Terbuka (Open Budget Survey, OBS) di Malaysia. OBS ialah satu tinjauan antarabangsa dilakukan setiap dua tahun yang menilai tahap ketelusan, pengawasan dan penyertaan awam dalam proses belanjawan. Sri Murniati mempunyai Ijazah Sarjana dalam Sains Politik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat.



Alissa Rode ialah pengurus Unit Kewangan Awam IDEAS, dimana beliau menyelia penyelidikan dan advokasi dalam bidang tadbir urus awam dan ketelusan fiskal. Beliau pernah bekerja dalam pelbagai peranan termasuk bidang tadbir urus organisasi bukan kerajaan, perancangan strategik, advokasi, penyelarasan dasar, dan pengurusan pemegang taruh. Beliau percaya bahawa masa depan Malaysia bergantung pada rakyat yang menggesa tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang lebih baik — daripada diri kita dan pemimpin.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam Kesustateraan Bahasa Inggeris dari Universiti Kebangsaan Singapura dan Ijazah Sarjana Muda Perundangan dari Universiti Malaya.



Muhammad Arieff Najmuddin merupakan seorang penyelidik di bawah Unit Kewangan Awam. Beliau memperoleh ijazah dari Universiti Teknologi MARA dengan kepujian kelas pertama dalam Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan mengkhusus dalam Kewangan.

Sebelum ini, beliau ialah seorang pelajar latihan amali Unit Kewangan Awam dan membantu untuk menghasilkan laman web untuk menjejaki pelantikan politik di Badan Berkanun Persekutuan. Minat beliau terletak dalam bidang kewangan dan pelaburan, ekonomi, dan bercita-cita untuk menjadi seorang penganalisis.



I. Pendahuluan

MyOBI ialah inisiatif IDEAS untuk mewujudkan satu desakan yang lebih besar mengenai kebertanggungjawaban di peringkat negeri. Indeks ini ialah sebahagian daripada respons kami terhadap suatu peluang demokrasi yang diwujudkan oleh keputusan pilihan raya tahun 2018 dan perubahan kerajaan yang berikutnya. Kami percaya bahawa pembukaan ruang sivik ini akan menjadi lebih bermakna jika masyarakat sivil dan khalayak ramai lebih berpengetahuan dan dilengkapi kemahiran yang diperlukan untuk menyertai proses demokrasi. Pandemik juga telah memperkukuhkan keperluan bagi satu kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab dan membuka peluang yang lebih luas untuk menggunakan internet sebagai satu cara untuk mencapai matlamat ini.

Melalui inisiatif ini, IDEAS telah merancang satu soal selidik untuk mengukur tahap ketelusan belanjawan di peringkat negeri. Soal selidik tersebut adalah berdasarkan penilaian ketelusan belanjawan di peringkat negeri yang dihasilkan oleh International Budget Partnership, IBP, penerbit Tinjauan Belanjawan Terbuka (Open Budget Survey, OBS), satu tinjauan sejagat yang menilai tahap ketelusan, pengawasan dan penyertaan umum dalam proses belanjawan. Soal selidik tersebut juga berdasarkan OBS sejagat. Kami berkongsi rangka awal dengan IBP dan pertubuhan di negara lain yang berpengalaman dalam menjalankan penilaian ketelusan belanjawan di peringkat negeri. Kami juga merintis soal selidik itu dengan pertubuhan masyarakat sivil (civil society organisations, CSO) yang menghadiri latihan pada awal tahun 2021. Kemudian, proses mengkaji semula soal selidik dilakukan berdasarkan maklum balas yang dikumpul untuk menghasilkan MyOBI.

Dengan mewujudkan satu tanda aras negara mengenai ketelusan belanjawan, kami berharap ia dapat menggalakkan kerajaan negeri untuk menerbitkan lebih banyak maklumat belanjawan secara dalam talian. Kami berharap tanda aras itu juga akan menggalakkan warganegara untuk membaca dan menggunakan maklumat itu untuk mengesan pelaksanaan perkhidmatan serta mendesak kebertanggungjawaban yang lebih tinggi daripada kerajaan negeri.

Keputusan secara keseluruhan menunjukkan bahawa sesetengah kerajaan negeri di Malaysia tidak mendedahkan maklumat belanjawan yang mencukupi kepada khalayak ramai dan tahap pengawasan oleh Dewan Undangan Negeri terhadap belanjawan adalah tidak mencukupi, terutamanya semasa proses perumusan (tumpuan kajian ini). Indeks ini membantu untuk mengenal pasti beberapa tindakan pembaharuan paling mudah yang dapat diambil oleh kerajaan negeri dan Dewan Undangan Negeri untuk menambah baik ketelusan dan pengawasan belanjawan. Laporan ini membincangkan dapatan keseluruhan kajian ini serta tindakan-tindakan pembaharuan yang boleh diambil.

2. Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI): Gambaran Keseluruhan

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) ialah satu penilaian secara perbandingan mengenai tahap ketelusan belanjawan kerajaan negeri. MyOBI dimodelkan berdasarkan tanda aras antarabangsa yang ditetapkan dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka (Open Budget Survey, OBS) oleh International Budget Partnership, IBP. Soal selidik ini menilai kebolehdapatan awam tentang maklumat belanjawan kerajaan negeri dan peranan institusi pengawasan seperti Dewan Undangan Negeri dan juruaudit negeri.

Indeks ini dihasilkan daripada 22 soalan: 17 soalan mengesan kebolehdapatan awam tentang dokumen belanjawan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri dan 5 soalan lain mengenai peranan institusi pengawasan. Daripada 22 soalan itu, 21 diberi markah pada skala 0-100, dan mata keseluruhan bagi setiap kategori ialah purata mudah daripada semua soalan yang dipertimbangkan dalam kategori itu. Jika suatu dokumen tersedia tetapi tarikh penerbitan tidak dapat dipastikan, maka respons bagi tarikh penerbitan itu dikecualikan daripada pengiraan.

Soalan mengenai kebolehdapatan awam tertumpu pada empat dokumen belanjawan:

1. **Cadangan Belanjawan Eksekutif (*Executive Budget Proposal, EBP*)** ialah satu dokumen menyeluruh yang menetapkan rancangan kewangan kerajaan bagi tahun yang akan datang. Cadangan tersebut disediakan oleh kerajaan dan dikemukakan di hadapan parlimen untuk memperoleh kelulusan. EBP terdiri daripada ucapan belanjawan, Rang Undang-undang Perbekalan, dan anggaran hasil dan perbelanjaan. Anggaran hasil dan perbelanjaan ialah satu dokumen yang memperuntukkan senarai terperinci tentang hasil dan perbelanjaan yang dicadangkan dalam belanjawan.
2. **Enakmen Perbekalan (*Enacted Budget, EB*)** ialah satu dokumen yang diluluskan oleh parlimen. Pada asasnya, selepas EBP dibahaskan, dipinda dan diluluskan, ia akan dirujuk sebagai EB. Kebolehdapatan dokumen tersebut ditunjukkan melalui penerbitan ordinan Perbekalan atau enakmen Perbekalan 2022 di laman sesawang kerajaan negeri atau laman sesawang perbendaharaan kerajaan negeri.
3. **Laporan Akhir Tahun (*Year-End Report, YER*)** ialah satu dokumen yang melaporkan pelaksanaan belanjawan sebenar dan keadaan akaun kerajaan pada akhir tahun fiskal.
4. **Laporan Audit (*Audit Report, AR*)** ialah satu dokumen yang dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara (Supreme Audit Institution, SAI) yang menilai ketepatan aktiviti kewangan kerajaan, pematuhan undang-undang dan dasar yang terpakai, dan prestasi entiti kerajaan.

Bagi suatu dokumen untuk dianggap tersedia kepada khalayak ramai, **ia mestilah didedahkan secara dalam talian dan bebas untuk dilihat (tidak dilindungi oleh kata laluan) dalam suatu tempoh masa yang penuh bermakna.** MyOBI juga menilai tahap perincian maklumat dalam EBP itu. Markah yang lebih tinggi akan diberikan kepada kerajaan negeri yang menerbitkan maklumat yang lebih terperinci. Jadual di bawah meringkaskan amalan terbaik bagi penerbitan mengikut ketepatan dan kesegeraan masa.

Jadual 1: Piawaian bagi Garis Masa Penerbitan

| Dokumen Belanjawan | Piawaian bagi garis masa penerbitan mengikut OBS | Piawaian mengikut garis masa Malaysia |
|-------------------------------------|--|---|
| Cadangan Belanjawan Eksekutif (EBP) | Sebelum cadangan itu diluluskan oleh badan perundangan dan dua (2) bulan sebelum tahun fiskal | Sebelum cadangan itu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan sebelum 31 Oktober setiap tahun. EBP2022 (yang dinilai di bawah MyOBI semasa) perlu diterbitkan antara 1 Oktober dengan 31 Disember 2021. |
| Enakmen Perbekalan (EB) | Sebelum bermulanya tahun belanjawan dan dalam tempoh masa dua (2) minggu selepas belanjawan tersebut diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri | Sebelum 1 Januari setiap tahun. EB2022 (yang dinilai di bawah MyOBI semasa) perlu diterbitkan sebelum 1 Januari 2022. |
| Laporan Akhir Tahun (YER) | Dalam tempoh masa 6 bulan selepas akhir tahun fiskal | Antara Januari dengan Jun setiap tahun. YER2020 (yang dinilai di bawah MyOBI semasa) perlu diterbitkan antara Januari dengan Jun 2021. |
| Laporan Audit (AR) | Dalam tempoh masa 9 bulan selepas akhir tahun fiskal | Antara Januari dengan September setiap tahun. AR2020 (yang dinilai di bawah MyOBI semasa) perlu diterbitkan antara Januari dengan September 2021. |

Bagi markah Pengawasan, MyOBI menilai ketepatan masa dalam pembentangan belanjawan di hadapan Dewan Undangan Negeri supaya terdapat masa yang mencukupi bagi suatu perbahasan yang bermakna sebelum akhir tahun fiskal. Soal selidik itu juga menyemak bahawa suatu penelitian semula tentang laporan audit tahun terdahulu yang dilaksanakan dan dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri (Public Accounts Committee, PAC) atau Jawatankuasa Pilihan yang setaraf. Bagi MyOBI 2022, mestilah terdapat suatu laporan yang menunjukkan bahawa PAC telah memeriksa sekurang-kurangnya Laporan Audit Tahun 2019 sebelum Jun 2021, untuk memperoleh skor bagi Pengawasan.

IDEAS bekerjasama bersama 15 individu sebagai penyelidik di negeri-negeri yang berbeza untuk melaksanakan penilaian tersebut. Beberapa penyelidik yang melaksanakan penilaian tersebut adalah dari gabungan pertubuhan tempatan, manakala penyelidik yang lain menjalankan penilaian itu secara bebas. Sebilangan penyelidik yang sedia ada merupakan sebahagian daripada fasa pertama projek tersebut, di mana kami mengerjakan penilaian perintis itu. Sebelum melaksanakan penilaian, kesemua penyelidik telah menghadiri latihan tentang ketelusan belanjawan dan proses belanjawan di Malaysia. Semasa menjalankan proses penilaian tersebut, IDEAS menjadualkan perbincangan kumpulan, di mana mereka dapat bertanya soalan mengenai tinjauan yang dilakukan, mendapatkan penjelasan tentang metodologi dan berkongsi perkara yang memerlukan perhatian.

Selepas melengkapkan soal selidik itu, keputusan tersebut dihantar kepada kerajaan negeri dan individu arif tentang sistem belanjawan di Malaysia untuk dikaji semula. Malangnya, tiada kerajaan negeri bersetuju untuk menyemak soal selidik tersebut. Walau bagaimanapun, kami menerima dua respons rasmi daripada kerajaan Negeri Sembilan dan Sabah. Kami berharap agar mendapat respons yang lebih baik dalam penilaian akan datang kerana proses kajian semula oleh kerajaan negeri dapat memastikan markah tersebut menggambarkan amalan semasa dengan tepat.

Jadual 2: Garis Masa Penilaian

| | Aktiviti | Masa |
|----|--|---------------------------|
| 1. | Latihan bagi penyelidik | Januari 2022 |
| 2. | Penyelidik mencari dokumen dan maklumat sedia ada dan menjawab soalan sewajarnya | Januari hingga April 2022 |
| 3. | Permintaan bertulis dihantar kepada kerajaan negeri mengenai dokumen yang tidak ada dan memaklumkan kerajaan negeri mengenai kajian semula yang akan berlaku | Mac 2022 |
| 4. | IDEAS memberikan maklum balas terhadap jawapan penyelidik untuk memastikan ketepatan sumber dan ulasan. Penyelidik mengubah jawapan itu berdasarkan maklum balas tersebut. | Mac 2022 |
| 5. | IDEAS menyemak soal selidik yang selesai sebelum proses kajian semula | April 2022 |
| 6. | Penilaian yang sudah selesai akan dikaji semula oleh Pengkaji Semula Setara Bebas (Independent Peer Reviewers) (Penilaian yang sudah selesai juga dihantar ke pejabat perbendaharaan negeri untuk dikaji semula) | Mei 2022 |
| 7. | IDEAS menyemak keputusan kajian semula itu dan berunding dengan penyelidik jika Pengkaji Semula Setara memberikan jawapan yang berbeza | Jun 2022 |
| 8. | IDEAS memuktamadkan pemarkahan bagi semua kerajaan negeri | Julai 2022 |

Untuk maklumat lanjut tentang metodologi dan cara pengiraan markah, sila merujuk kepada nota metodologi yang diterbitkan di www.pantauwangkita.com


3. Keterbukaan Belanjawan Negeri Malaysia: Pemahaman Utama daripada Keputusan Itu

Markah bagi kategori kebolehdapatan awam dan pengawasan dinilai secara berasingan dalam MyOBI. Oleh itu, keputusan bagi kedua-dua kategori ini juga akan dibincangkan secara berasingan dalam bahagian ini.

3.1 Markah Kebolehdapatan Awam dan Pemahaman

Keputusan keseluruhan daripada penilaian MyOBI itu menunjukkan bahawa **kerajaan negeri tidak mendedahkan maklumat penting belanjawan kepada khalayak ramai dengan secukupnya** (Lihat Graf 1). Secara purata, kerajaan negeri memberikan pendedahan belanjawan yang minimum kepada khalayak ramai. Maklumat belanjawan dalam bentuk dokumen EBP dan AR dilihat tersedia secara meluas di kebanyakan negeri. Walau bagaimanapun, tidak banyak tumpuan diberikan kepada penerbitan EB dan YER (Lihat Jadual 3).

Graf I: Markah Kebolehdapatan Awam bagi 13 Negeri di Malaysia



| | |
|----------|---------------------------------|
| 61 - 100 | Pendedahan yang cukup besar |
| 41 - 60 | Pendedahan yang minimum |
| 0 - 40 | Pendedahan yang tidak mencukupi |

Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor, dan **Sabah** memberikan pendedahan yang cukup besar melalui penerbitan semua dokumen belanjawan utama dengan tahap butiran yang mencukupi. Berkenaan dengan EBP, negeri yang mempunyai prestasi terbaik dilihat dapat memberikan suatu pecahan yang terperinci mengenai 3 jenis perbelanjaan, seperti **perbelanjaan fungsian, pentadbiran dan ekonomi**, di samping memberikan maklumat tentang setiap sumber hasil mereka. Terengganu, Selangor, Perak dan Johor ialah negeri yang ketara kerana menyediakan pecahan perbelanjaan mengikut klasifikasi ekonomi dan perbelanjaan pentadbiran dengan butiran sehingga ke peringkat bahagian.

Pulau Pinang, Perlis dan **Melaka** berkedudukan kurang 10 mata untuk mencapai pendedahan yang cukup besar, ia menunjukkan bahawa ketiga-tiga negeri tersebut menyediakan dokumen belanjawan tetapi mendedahkan tahap maklumat yang tidak mencukupi. Daripada tiga negeri itu, keputusan Pulau Pinang tidak dijangka kerana Pulau Pinang ialah satu-satunya negeri bersama Selangor yang telah menggubal undang-undang kebebasan maklumat. Walau bagaimanapun, lebih banyak perkara yang perlu dilaksanakan untuk menukarkan komitmen perundangan terhadap ketelusan kepada tindakan eksekutif. Seperti kebanyakan negeri yang memperoleh markah dalam julat pertengahan, Pulau Pinang tidak menerbitkan EB dan YER, manakala EBP yang diterbitkan hanya dalam bentuk Ucapan Belanjawan yang tidak mendedahkan sebarang pecahan mengenai perbelanjaan dan hasil bagi tahun 2022.

Empat negeri yang memperoleh markah terendah – **Kelantan, Pahang, Sarawak** dan **Kedah** – tidak menyediakan pendedahan yang mencukupi, ia menunjukkan bahawa terdapat maklumat yang penting berkaitan dengan belanjawan tidak dijumpai atau tidak menerbitkan lebih daripada satu dokumen belanjawan utama (daripada 4 dokumen belanjawan utama). Dengan ketaranya, **Kedah** dan **Sarawak**

kedua-duanya tidak menyediakan EBP bagi tahun fiskal 2022. EBP merupakan dokumen utama mengenai maklumat belanjawan, justeru maklumat itu tidak dapat dinilai.

Jadual 3: Kebolehdapatan awam mengenai 4 dokumen belanjawan utama kerajaan negeri

| Negeri | Cadangan Belanjawan Eksekutif (2022) | Enakmen Perbekalan (2022) | Laporan Akhir Tahun (2020) | Laporan Audit (2020) |
|--|--------------------------------------|---------------------------|----------------------------|----------------------|
| Johor | ● | ● | ● | ● |
| Kedah | ● | ● | ● | ● |
| Kelantan | ● | ● | ● | ● |
| Melaka | ● | ● | ● | ● |
| Negeri Sembilan | ● | ● | ● | ● |
| Pahang | ● | ● | ● | ● |
| Perak | ● | ● | ● | ● |
| Perlis | ● | ● | ● | ● |
| Pulau Pinang | ● | ● | ● | ● |
| Sabah | ● | ● | ● | ● |
| Sarawak | ● | ● | ● | ● |
| Selangor | ● | ● | ● | ● |
| Terengganu | ● | ● | ● | ● |
| Jumlah Negeri di mana Dokumen adalah Tersedia | 11 Negeri | 3 negeri | 5 negeri | 13 negeri |

● Dokumen Tersedia Secara Dalam Talian kepada Orang Ramai

● Dokumen Tidak Tersedia kepada Orang Ramai

Jadual 3 menunjukkan bahawa hanya **EBP dan Laporan Audit tersedia secara meluas kepada khalayak ramai**. Enakmen Perbekalan, iaitu dokumen belanjawan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, dan YER yang menunjukkan pelaksanaan sebenar belanjawan itu, tidak banyak tersedia.

Kebolehdapatan Laporan Audit yang meluas – dikenali sebagai Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Malaysia – adalah menggalakkan kerana maklumat yang tersedia dalam dokumen tersebut berpotensi untuk meningkatkan pendesakan mengenai kebertanggungjawaban di peringkat tempatan. LKAN memberikan satu penganalisan mengenai perbelanjaan dan hasil kerajaan, termasuk pelaburan dan aset badan berkanun negeri. Di samping itu, LKAN menekankan isu-isu berkaitan dengan aktiviti dan projek yang dikerjakan oleh entiti-entiti kerajaan.

Walau bagaimanapun, kebolehdapatan yang meluas itu tidaklah mengejutkan kerana LKAN adalah tersedia di laman sesawang Ketua Audit Negara dan juga terkandung di laman sesawang Parlimen. Namun begitu, laporan tersebut tidak tersedia di kebanyakan laman sesawang Dewan Undangan Negeri, walaupun Akta Audit menghendaki laporan itu dikemukakan di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bukti

bahawa laporan itu dikemukakan di hadapan Dewan Undangan Negeri juga sukar didapati, kerana hanya 6 negeri menerbitkan Penyata Rasmi (Hansard), dan laman web kerajaan negeri atau Dewan Undangan Negeri tidak menyertakan pautan mengenai AR.

Bagi dokumen EB, iaitu Ordinan Perbekalan atau Enakmen Perbekalan, sebahagian besar negeri tidak mendedahkan dokumen tersebut kepada orang ramai. Hanya Johor dan Terengganu menerbitkan dokumen tersebut secara dalam talian, manakala Perlis mendedahkan dokumen itu bagi suatu masa yang terhad.¹ **Penerbitan Enakmen Perbekalan 2022 boleh memberikan maklumat kepada khalayak ramai tentang sama ada Dewan Undangan Negeri (DUN) meminda belanjawan 2022 yang dicadangkan.** Memandangkan pindaan minimum yang biasa dilakukan terhadap belanjawan, besar kemungkinan kerajaan negeri tidak peka atas keperluan untuk menerbitkan Enakmen Perbekalan kerana berkemungkinan isi kandungannya sama dengan EBP.

Tinjauan Belanjawan Terbuka (OBS) menghendaki dokumen belanjawan tersedia kepada khalayak ramai dalam tempoh masa yang ditetapkan agar dapat dianggap sebagai tersedia secara umum. Sebagai contoh, Cadangan Belanjawan Eksekutif patutlah didedahkan kepada orang ramai sebelum cadangan tersebut diluluskan oleh badan perundangan, manakala Enakmen Perbekalan patutlah diterbitkan sebelum permulaan tahun belanjawan dan dalam tempoh masa dua minggu selepas belanjawan diluluskan oleh badan perundangan (Lihat Jadual 3 mengenai satu garis masa terperinci yang ditetapkan).

Daripada dua jenis dokumen belanjawan (EB dan AR) yang banyak tersedia, hanya AR didedahkan dalam tempoh masa yang tepat di semua negeri. Meskipun EBP ialah dokumen yang mudah diperolehi, ketepatan masa mengenai penerbitan EBP berbeza-beza mengikut kerajaan negeri. Tiada satu kerajaan negeri yang menerbitkan EBP 2 bulan atau lebih sebelum permulaan tahun fiskal, iaitu amalan terbaik yang ditunjukkan dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka (OBS). Lima kerajaan negeri menerbitkan EBP selepas dokumen tersebut diluluskan atau langsung tidak menerbitkannya. Penerbitan EBP adalah sangat penting kerana dokumen tersebut mengandungi maklumat tentang sumber awam dan cara sumber itu akan dibelanjakan. Oleh hal yang demikian, kerajaan negeri patut berusaha untuk mendedahkan EBP kepada orang ramai sebelum belanjawan diluluskan, sekurang-kurangnya pada hari semasa ketua menteri membentangkan EBP di hadapan Dewan Undangan Negeri.

¹ Selepas penilaian itu diselesaikan, pautan mengenai Belanjawan Diperbuat itu telah dihilangkan daripada tapak web Kerajaan Negeri Perlis, agar dokumen itu tidak dapat lagi dicapai dengan mudah.


Jadual 4: Tarikh penerbitan EBP

| Tarikh penerbitan EBP | Negeri |
|--|--|
| Diterbitkan sekurang-kurangnya pada 31 Oktober 2021 | Tidak ada langsung |
| Diterbitkan antara 1 dengan 30 November 2021 | <ul style="list-style-type: none"> • Penang • Negeri Sembilan • Johor • Terengganu |
| Diterbitkan selepas 30 November 2021 | <ul style="list-style-type: none"> • Pahang |
| Diterbitkan selepas belanjawan diluluskan atau tidak diterbitkan | <ul style="list-style-type: none"> • Kedah • Melaka • Kelantan • Sarawak |
| Tidak ada tarikh penerbitan atau tidak dinyatakan dengan jelas | <ul style="list-style-type: none"> • Perlis • Perak • Selangor • Sabah |

3.2 Markah Pengawasan dan Penganalisisan

Markah purata mengenai amalan pengawasan bagi semua negeri ialah 34 daripada 100. Markah itu menunjukkan pelaksanaan pengawasan yang terhad oleh Dewan Undangan Negeri (Graf 2). Dewan Undangan Negeri di kebanyakan negeri hanya membahaskan belanjawan bagi tempoh masa kurang daripada satu bulan sebelum bermulanya tahun belanjawan, dan DUN hanya menggunakan antara 1 hingga 7 hari untuk membahaskan belanjawan (Jadual 5). Di samping itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri di kebanyakan negeri tidak menerbitkan laporannya secara dalam talian. Ini menyukarkan khalayak ramai untuk memastikan sama ada Jawatankuasa itu bermesyuarat untuk memeriksa laporan audit.

Graf 2: Markah pengawasan bagi semua negeri



Jadual 5: Bilangan hari ADUN membahaskan EBP


| Negeri | Bilangan Hari | Dikemukakan pada | Diluluskan pada |
|-----------------|---------------|------------------|------------------|
| Johor | 7 | 18 November 2021 | 28 November 2021 |
| Kedah | 5 | 14 November 2021 | 18 November 2021 |
| Kelantan | 2 | 2 Disember 2021 | 5 Disember 2021 |
| Melaka | 1 | 27 Disember 2021 | 27 Disember 2021 |
| Negeri Sembilan | 4 | 26 November 2021 | 1 Disember 2021 |
| Pahang | 5 | 6 Disember 2021 | 10 Disember 2021 |
| Perak | 6 | 10 Disember 2021 | 17 Disember 2021 |
| Perlis | 3 | 7 Disember 2021 | 9 Disember 2021 |
| Pulau Pinang | 6 | 26 November 2021 | 3 Disember 2021 |
| Sabah | 6 | 3 Disember 2021 | 9 Disember 2021 |
| Sarawak | 0 | - | - |
| Selangor | 7 | 26 November 2021 | 6 Disember 2021 |
| Terengganu | 4 | 15 November 2021 | 18 November 2021 |

Terengganu memperoleh markah pengawasan tertinggi dengan jurang perbezaan yang besar disebabkan oleh beberapa amalan baik. Khususnya, kelulusan EBP telah dilaksanakan dalam tempoh masa yang tepat – iaitu sebulan sebelum bermulanya tahun fiskal. Maklumat yang mencukupi mengenai persidangan juga didedahkan di Dewan Undangan Negeri, termasuk rekod rasmi yang mudah diperolehi secara dalam talian.

Sarawak memperoleh markah sifar kerana Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak bersidang pada suku terakhir tahun 2021, manakala negeri-negeri lain yang meraih markah di bawah purata ialah Perak, Melaka dan Kelantan dengan 27 mata. Adalah penting untuk diingatkan bahawa Sarawak mempunyai bilangan kes Covid-19 yang semakin meningkat pada tahun 2021 dan Sarawak berada di bawah Proklamasi Darurat (Sarawak) 2021, di mana Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Sarawak) 2021 berkuat kuasa dari 2 Ogos 2021 hingga 2 Februari 2022. Oleh itu, Jemaah Menteri menggunakan kuasa darurat untuk meluluskan belanjawan bagi tahun 2022 tanpa mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri, yang mengakibatkan skor Pengawasan tidak dikira.

Secara keseluruhan, bilangan hari persidangan Dewan Undangan Negeri (Graf 3) adalah amat rendah dan tidak mencukupi untuk memberi pengawasan yang berkesan oleh dewan perundangan. Selain itu, disebabkan pelbagai sekatan terhadap mesyuarat perundangan, ketepatan masa mengenai proses pembentangan dan kelulusan EBP telah ditangguhkan. Tujuh negeri tidak memberikan tempoh masa yang mencukupi antara 1 hingga 3 bulan sebelum kitaran belanjawan seterusnya bermula bagi pembentangan EBP; tempoh masa yang singkat akan menghambat badan perundangan untuk mengkaji semula EBP, dan sembilan negeri tidak dapat meluluskan EBP itu sekurang-kurangnya sebulan sebelum bermulanya tahun fiskal.

Graf 3: Bilangan hari Dewan Undangan Negeri bersidang pada tahun 2019 dan 2021



Semua negeri dilaporkan hanya mempunyai 2 sesi persidangan pada tahun 2021. Negeri seperti Kedah, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, dan Sarawak tidak melaporkan maklumat mengenai bilangan sesi atau tarikh persidangan di laman sesawang Dewan Undangan Negeri. Dalam keadaan sedemikian, penyelidik perlu mendapat maklumat tersebut daripada rencana berita. Secara keseluruhan, jurang perbezaan mengenai bilangan mesyuarat yang diadakan di antara Dewan Undangan Negeri dengan Parlimen adalah luas. Kerajaan negeri bersidang sebanyak 9 hari sepanjang 2 sesi secara purata, manakala Parlimen bersidang sebanyak 50 hari sepanjang 2 sesi pada tahun 2021.

Ketaranya, tahap pengawasan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri (Public Accounts Committees, PAC) terhadap kerajaan negeri sebahagian besarnya tidak dilaporkan. Hanya kerajaan negeri Selangor menerbitkan laporan mesyuarat yang dikendalikan oleh PAC secara dalam talian. Walaupun begitu, Selangor tidak memperoleh markah dalam bahagian tentang pengawasan PAC, kerana Selangor tidak mempunyai rekod bahawa PAC mengkaji semula laporan audit tahun 2019. 12 negeri lain tidak memberi maklumat terperinci mengenai jawatankuasa pilihan, terutamanya semakan dan laporan yang dibuat oleh PAC, sungguhpun anggota PAC biasanya disenaraikan di laman sesawang Dewan Undangan Negeri.

| Negeri | EBP dikemukakan dalam tempoh masa yang mencukupi sebelum akhir tahun kewangan | Kebolehdapatan Rekod Rasmi Dewan Undangan Negeri | Maklumat mengenai aktiviti Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan |
|--|---|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> ● Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum itu ● Sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum itu ● Kurang daripada 1 bulan / tidak dikemukakan / selepas itu | <ul style="list-style-type: none"> ● Tersedia ● Tidak Tersedia | <ul style="list-style-type: none"> ● Tersedia ● Tidak Tersedia |
| Perlis | ● | ● | ● |
| Kedah | ● | ● | ● |
| Pulau Pinang | ● | ● | ● |
| Perak | ● | ● | ● |
| Selangor | ● | ● | ● |
| Negeri Sembilan | ● | ● | ● |
| Melaka | ● | ● | ● |
| Johor | ● | ● | ● |
| Pahang | ● | ● | ● |
| Terengganu | ● | ● | ● |
| Kelantan | ● | ● | ● |
| Sabah | ● | ● | ● |
| Sarawak | ● | ● | ● |
| Jumlah Negeri yang mempunyai amalan baik | 0 | 7 | 1 |

4. Cadangan-cadangan

Sebagai satu tanda aras, MyOBI dapat berfungsi sebagai suatu alat untuk mengenal pasti bahagian untuk penambahbaikan. Soalan yang diutarakan dalam MyOBI adalah berdasarkan amalan terbaik antarabangsa mengenai ketelusan belanjawan. Jawapan yang diberikan kepada soalan-soalan ini menunjukkan tahap ketelusan di negeri tertentu dan tindakan-tindakan yang mungkin boleh diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut. Di bawah ialah cadangan-cadangan untuk memperbaiki kebolehdapatan awam atau tahap pendedahan dan tahap pengawasan yang kami mengenal pasti daripada penilaian ini.

4.1 Cadangan untuk memperbaiki kebolehdapatan awam

- **Kerajaan negeri patut mempunyai matlamat untuk menjadikan EBP tersedia secara dalam talian** sebelum perbahasan dan kelulusan belanjawan, untuk pengetahuan khalayak ramai.
- **Menerbitkan anggaran hasil dan perbelanjaan** (komponen EBP yang paling penting) secara dalam talian, di samping penerbitan ucapan belanjawan.
- **Memberikan maklumat terperinci tentang pecahan perbelanjaan** yang berkaitan dengan klasifikasi ekonomi, pentadbiran dan fungsian.
- **Memberikan suatu pecahan yang lebih terperinci mengenai setiap sumber hasil** untuk memperbaiki kualiti maklumat yang disediakan.
- **Menerbitkan dokumen belanjawan dalam tempoh masa yang tepat.** Sarawak dan Kedah akan memperbaiki markah mereka dengan mudah dengan menjadikan EBP tersedia secara dalam talian.

4.2 Cadangan untuk memperbaiki pengawasan

- **Bilangan hari persidangan Dewan Undangan Negeri patut dinaikkan** agar Ahli Dewan Undangan Negeri dapat membahaskan belanjawan dan dasar kerajaan lain serta memantau pelaksanaannya dengan lebih berkesan.
- **Pengemukakan Cadangan Belanjawan Eksekutif (Executive Budget Proposal, EBP) perlu ditetapkan dengan cukup awal** agar terdapat masa yang mencukupi untuk perbahasan.
- **Rekod Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan Negeri juga patut didedahkan kepada orang ramai.**
- **Menerbitkan jadual sesi dan penyata rasmi (Hansard) di laman sesawang Dewan Undangan Negeri.** Penyata Rasmi merekodkan soalan dan perbahasan di Dewan Undangan Negeri. Kemudahan umum untuk memperoleh maklumat ini akan membolehkan suatu tahap pengawasan yang lebih tinggi dengan penglibatan khalayak ramai, serta menaikkan kesedaran tentang belanjawan kerajaan negeri dan pelaksanaan program.

Penghargaan

IDEAS ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan kongsi kami yang menjalankan penilaian Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia bagi negeri-negeri berikut:

| Nama | Penggabungan | Negeri di bawah penilaian |
|---------------------------------|---|---------------------------|
| Suraya Binti Bujang | Persatuan Sosial Purple Lily Kuching | Sarawak |
| Sabrina Aripin | Society for Equality, Respect And Trust for All Sabah (SERATA) | Sabah |
| Aqil Iqbal & Wan Khairuddin | Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Negeri Kelantan | Terengganu |
| Wee Seng Kew | Nama penggabungan tidak diketahui | Kelantan |
| Chan Tsu Chong & Chiew Soon Aik | Tiada penggabungan organisasi | Melaka & Pulau Pinang |
| Samron Dorai | Lex Auxilium Consultancy | Selangor |
| Farhanah Zainor | Dewan Muda Malaysia | Johor |
| Suweeta Lam Xiao Wei | Evolusi Belia dan Pelajar Malaysia Cawangan Johor | Negeri Sembilan |
| Dylan Dev & Bryan Chan Hao Ting | Tiada penggabungan organisasi | Kedah & Pahang |
| Alethea Wong & Tam Xueh Wei | Tiada penggabungan organisasi | Perak |
| Debra Wong | Tiada penggabungan organisasi | Perlis |

IDEAS juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengkaji semula setara yang menyemak pemarkahan tersebut dengan bebas.

| Nama | Negeri di bawah semakan |
|-----------------------|---|
| Danesh Prakash Chacko | Melaka & Sarawak |
| James Chai Jin Shern | Johor, Kedah, Selangor, Perak, and Sabah |
| Jeffrey Law Lee Sheng | Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, and Negeri Sembilan |
| Lim Chee Han | Pulau Pinang |

Kami juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Jeffrey Law Lee Sheng dan Juhi Todi, yang memberi sumbangan dalam pembangunan awal dan penubuhan rangka penilaian dan Iza Elina Iskandar, yang memberi sumbangan dalam penganalisan dan penggubalan laporan ini.

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) ialah sebuah institut penyelidikan bukan untung berpusat di Malaysia yang mempunyai dedikasi untuk menggalakkan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam. Visi kami ialah:

“Malaysia yang mendukung prinsip-prinsip kebebasan dan keadilan”

Misi kami di IDEAS adalah untuk memperbaiki tahap pemahaman dan penerimaan dasar awam berdasarkan prinsip-prinsip kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, pasaran persaingan dan individu bebas. Kerja kami adalah bebas daripada kepentingan diri dan pengaruh partisan. Kami juga telah mengembangkan kerja kami dalam bidang baharu yang memberi penumpuan kepada tiga misi menyeluruh kami – memajukan ekonomi persaingan, memastikan kepercayaan kepada institusi dan menggalakkan Malaysia yang inklusif. Kami bertindak sebagai satu pusat intelek yang mewujudkan ruang bagi dialog yang merentasi partisan berpusatkan prinsip dan berorientasikan hasil

Kami mencapai misi ini dengan:

- Menerbitkan penyelidikan termaju
- Memulakan dialog dengan kerajaan, pembuat undang-undang, perniagaan dan masyarakat sivil
 - Memberikan kepimpinan pemikiran
 - Memudahkan rangkaian antara individu yang sealaran
 - Menganjurkan program pendidikan

Sila menyokong kami dengan memberikan derma kepada kami. Anda boleh menyumbangkan wang melalui cek bayar kepada “IDEAS Policy Research Berhad” atau melalui pemindahan wang kepada akaun kami CIMB 8008852042.

Kami hanya boleh wujud dengan sokongan anda.

© 2023 IDEAS. Hak cipta terpelihara.

IDEAS Policy Research Berhad
The Lower Penthouse
Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur

www.ideas.org.my
Reg No: 1219187-V

Selection of IDEAS' Publications (2021-2022)

Policy Ideas

Policy Paper No 75 – The New Economic Policy and Contesting Bumiputera Identity Among Orang Asli and the Indigenous Peoples of Sabah and Sarawak by Wan Zawawi Ibrahim (November 2021)

Policy Paper No 74 – Fifty Years of The New Economic Policy: Revisiting Its Impact on Social Cohesion, National Unity and Creation of Bangsa Malaysia by Abdul Rahman Embong (November 2021)

Policy Paper No 73 – The New Economic Policy Beyond Fifty: Assessing its Strengths and Weaknesses to Chart a Cohesive Malaysian Society by Lee Hwok Aun (November 2021)

Policy Paper No 72 – Corruption in the supply chain: forms and impact on consumers by Adli Amirullah, Danya Frances, Laurence Todd and Sri Murniati (June 2021)

Policy Paper No 71 – Paddy and Rice Sector Policy Roadmap: Towards Equity and Sustainability by Fatimah Mohamed Arshad, Kusairi Mohd. Noh, Emmy Farha Alias (February 2021)

Policy Paper No 70 – Post COVID-19 Recovery: Building SME Resilience by Lau Zheng Zhou, Sabrina Tang and Yohendran Nadar Arulthevan (January 2021)

Brief Ideas

Brief IDEAS No. 34 – Political financing in Malaysia: Aligning reforms with voters' expectations by Aira Azhar (October 2021)

Brief IDEAS No. 33 – Political financing in Malaysia: Recent developments and plugging potential gaps by Aira Azhari and Tricia Yeoh (October 2021)

Brief IDEAS No. 32 – Falling Through the Cracks: Identifying Children with Learning Difficulties in Malaysian Schools by Sharmini Xavier (September 2021)

Brief IDEAS No. 31 – The government's policy commitments on State-owned enterprises (SOEs) in the National Anti-Corruption Plan (NACP) and the Shared Prosperity Vision (SPV) 2030 by Nur Zulaikha Azmi (August 2021)

Report

Contextualising education policy to empower Orang Asli children by Wan Ya Shin and Rusalina Idrus ((December 2021)

ASEAN Integration Report 2021 by Yeo Bee Yin, Felippa Ann Amanta, Nisrina Nuraini Nafisah, Jayant Menon and Jukhee Hong (December 2021)

Public Procurement and Bumiputera Company Development in the Construction Industry: Reviewing Policies, Exploring Possibilities by Lee Hwok Aun (September 2021)

Youth Suicide in Malaysia by Chua Sook Ning and Vaisnavi Mogan (March 2021)

Policy IDEAS are IDEAS' regular publications that introduce and propose ideas for policy reforms based on analysis of existing policies or best practices.

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
The Lower Penthouse, Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur

Website: ideas.org.my Tel: +603 2070 8881 / 8882 Fax: +603 2070 8883